

Kawasan bandar punca Selangor catat kes denggi tertinggi

SHAH ALAM - Selangor merekodkan jumlah kes denggi tertinggi iaitu 39,158 kes dengan 59 kematian dalam tempoh Januari sehingga kelmarin, berbanding negeri lain di seluruh negara.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata, bagaimana-pun jumlah itu tidak membimbangkan dan menunjukkan trend penurunan sepanjang tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.

"Kemungkinan Selangor catat rekod tertinggi wabak denggi disebabkan faktor kutipan sampah tidak terurus kerana longgokan sampah mendorong kepada pembiakan wabak denggi.

"Selain itu, Selangor juga kawasan bandar, sektor pembangunan di sini banyak, begitu juga dengan tapak



Dr Hilmi merasmikan '4th HKL Burn Seminar 2017, semalam.

pembangunan. Jadi, ini antara puncanya mengapa negeri ini rekod jumlah tertinggi denggi," katanya selepas merasmikan Seminar HKL BURN 2017, semalam.

Turut hadir, Ketua Jabatan Pembedahan Plastik

dan Rekonstruktif Hospital Kuala Lumpur (HKL), Dr Normala Basiron.

Dr Hilmi mengulas laporan kes denggi yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan semalam, dengan sejumlah 71,892 kes dicatatkan di seluruh negara dan Selangor

adalah negeri yang mempunyai kes tertinggi.

Wilayah Persekutuan pula negeri kedua yang mempunyai kes denggi tertinggi iaitu 6,785 kes, diikuti Johor (6,511) dan Perak (4,896).

Sementara itu, mengulas isu berlainan, Dr Normala berkata, dua pelajar Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang terlibat dalam kebakaran pada 14 September lalu, akan dibenarkan keluar dari HKL dalam tempoh terdekat.

"Keadaan mereka stabil dan beransur pulih sepenuhnya, dengan luka terbakar tinggal satu ke dua peratus sahaja. Kemungkinan mereka dibenar pulang minggu ini atau selewat-lewatnya minggu depan," katanya. - *Bernama*